

# Dr. Mahathir sokong pembangkang

um - 14/5/2007

TAIPING 13 Mei - Bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan sekeras-kerasnya dakwaan bahawa beliau kini menyokong parti pembangkang.

Dr. Mahathir menegaskan, tujuan beliau membuat kritikan terhadap kerajaan selama ini adalah semata-mata untuk melihat kerajaan dan UMNO menjadi lebih kuat dan terus kukuh.

"Kalau kita sokong UMNO secara membuta tuli dan tidak berpegang kepada prinsip perjuangan, UMNO akan jadi lemah akhirnya," kata beliau kepada pemberita selepas program Kolumium Mengantarabangsakan Melayu di sini hari ini.

Dalam program yang dianjurkan oleh Biro Hubungan Antarabangsa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Pergerakan Pemuda UMNO itu, Dr. Mahathir menyampaikan ceramah bertajuk *Membina Kekuatan Bangsa*.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir.